

## Seremban jadi bandar raya 2018

Proses menggabungkan MPS, MPN kini sudah di peringkat akhir

SARINAH MAT KASIM

**SEREMBAN** - Majlis Perbandaran Seremban (MPS) dan Majlis Perbandaran Nilai (MPN) akan digabungkan menjadi entiti baharu dengan nama Majlis Bandaraya Seremban (MBS).

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan berkata, penggabungan ini dijangka akan dilakukan tahun hadapan berikutan proses mengenainya kini berada di peringkat akhir.

Beliau berkata, gabungan kedua-dua pihak berkuasa tempatan (PBT) itu akan dapat melancarkan lagi

**INFO** • Secara teknikal proses penggabungan sudah selesai cuma sedang menunggu kerja-kerja menaik taraf pejabat baharu di Jalan Rahang, di sini

pengurusan dan pentadbiran kedua-duanya bersama masyarakat dengan lebih berkesan.

"Kita berada di peringkat akhir untuk mencantumkan MPS dan MPN yang akan digabungkan untuk menjadi sebuah bandar raya.

"Secara teknikalnya se-

mua sudah selesai dan berada di peringkat akhir, cuma kita menunggu kerja-kerja menaik taraf pejabat baharu di Jalan Rahang itu selesai untuk menempatkan kesemua pekerja di bawah satu bumbung.

"Bagaimanapun, pejabat lama di Nilai akan tetap dibuka (dengan nama MBS) bagi menempatkan pegawai dan kakitangan di bahagian kejuruteraan, penguatkuasaan, dan bahagian perkhidmatan, bagi memudahkan penduduk di Nilai mendapatkan perkhidmatan yang melibatkan PBT," katanya kepada pemberita pada sidang media selepas mem-



**Kita berada di peringkat akhir untuk mencantumkan MPS dan MPN yang akan digabungkan untuk menjadi sebuah bandar raya."** -Mohamad

pengerusikan Mesyuarat Exco di Wisma Negeri, di sini, semalam.

Mohamad berkata, selepas penggabungan itu nanti, orang ramai tidak perlu masuk ke bandar Seremban

untuk ke pejabat PBT kerana pejabat baharu MBS nanti akan beroperasi di Jalan Rahang, dalam bangunan yang sebelum ini merupakan Pasaraya Carrefour.

Dalam pada itu,

Mohamad berkata, cukai pintu di Negeri Sembilan bagi tahun 2018 adalah kekal dan tiada sebarang kenaikan cukai dilakukan.

Menurutnya, walaupun ada PBT di daerah yang memohon untuk menaikkan tarif cukai pintu, namun kerajaan negeri menolaknya.

"Belum masanya untuk kita naikkan cukai pintu sekarang ini, walau pun ada PBT di daerah-daerah yang memohon untuk naikkan cukai pintu, tetapi kita menolaknya.

"Sekarang bukan masanya PBT nak naikkan cukai pintu, tunggu la dulu," katanya.